



03 JUL, 2025

Pusat data alami kenaikan kos elektrik hingga 15 peratus

Berita Harian, Malaysia



Pusat data alami kenaikan kos elektrik hingga 15 peratus

Kemudahan pusat data (DC) dijangka mengalami peningkatan kos elektrik sebanyak 10 hingga 15 peratus di bawah kategori Voltan Ultra Tinggi (UHV), demikian menurut PublicInvest Research.

Penganalisisnya, Khairul Fahmi, berkata peningkatan itu terutama disebabkan caj tenaga lebih tinggi ketika waktu luar puncak dan perubahan kecil dalam caj bukan tenaga.

Beliau berkata, bagi kemudahan bersaiz 100 megawatt (MW), ini diterjemahkan kepada anggaran peningkatan kos tahunan sebanyak RM45 juta hingga RM63 juta.

Bagaimanapun, katanya, kos elektrik masih kekal kompetitif pada peringkat serantau, disokong ketahanan infrastruktur grid dan keadaan geografi menggalakkan, termasuk bencana alam yang rendah.

“Justeru, kami percaya bahawa prospek pusat data di Malaysia kekal positif, disokong daya saing kos pada peringkat serantau, ketahanan infrastruktur dan kelebihan geografi.



Prospek pusat data di Malaysia kekal positif, disokong daya saing kos pada peringkat serantau, ketahanan infrastruktur dan kelebihan geografi.

(Foto hiasan)

tur dan kelebihan geografi.

“Sektor itu disokong permintaan elektrik yang berdaya tahan, mekanisme Tempoh Kawal Selia Keempat (RP4) yang

menyokong serta momentum perbelanjaan modal yang kukuh,” katanya dalam satu nota penyelidikan.

Khairul berkata, Tempoh

Kawal Selia Keempat (RP4) dilaksanakan Tenaga Nasional Bhd (TNB) dijangka membantu mengurangkan bil elektrik 71 peratus daripada 3,300 pengguna bukan domestik Voltan Sederhana (MV) di bawah struktur tarif baharu itu.

Beliau berkata, ini terutama disebabkan oleh pengurangan ketara dalam caj tenaga, yang diimbangi dengan kenaikan dalam caj bukan tenaga.

Katanya, struktur tarif disemak itu direka untuk memberi ganjaran kepada pengguna yang mempunyai kecekapan beban tinggi dan mengenakan penalti kepada mereka dengan faktor beban rendah.

“Berdasarkan anggaran kami, ambang pulang modal adalah sekitar 47 hingga 50 peratus faktor beban.

“Pengguna beroperasi melebihi julat ini berkemungkinan menikmati kos keseluruhan lebih rendah, manakala pengguna kurang cekap mungkin akan menanggung bil yang lebih tinggi,” katanya.